

SOALAN NO. 84

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN AHMAD MARZUK
BIN SHAARY [BACHOK]**

TARIKH : 25 JULAI 2017

SOALAN :

YB Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah terkini anak muda di bawah umur 40 tahun yang belum berdaftar sebagai pemilih mengikut kategori negeri dan pekerjaan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah warganegara yang layak untuk mendaftar sebagai pemilih tetapi masih belum mendaftar sehingga 31 Mac 2017 adalah seramai 3,772,149 orang. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak mempunyai perincian maklumat seperti yang dinyatakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENNA]**

TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)

SOALAN : 85

**Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah kamera Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) yang baru dipasang sehingga kini dan berapakah jumlah pembayaran telah dibuat untuk pemasangan kamera tersebut; dan
- (b) berapakah jumlah saman dikeluarkan dan berapakah pengguna dikenakan pemotongan mata dimerit sejak penguatkuasaan AWAS (Automated Awareness Safety System) pada 15 April 2017 sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga kini, sebanyak 21 kamera *Automated Awareness Safety System (AwAS)* telah beroperasi melibatkan 8 lokasi di negeri Perak, 2 lokasi di negeri Selangor, 3 lokasi di Kuala Lumpur, 2 lokasi di Putrajaya, 2 lokasi di Johor, 1 lokasi di Kelantan, 1 lokasi di Kedah dan 2 lokasi di Terengganu. Segala kos berkaitan pembangunan, penyelenggaraan dan operasi sistem serta infrastruktur AwAS adalah dibiayai oleh syarikat penyedia perkhidmatan.

- (b) Berdasarkan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), jumlah saman yang dikeluarkan kepada pemandu kenderaan melalui sistem AwAS sejak ianya mula dikuatkuasakan pada 15 April 2017 sehingga terkini adalah sebanyak 142,135 notis saman. Daripada jumlah tersebut sebanyak 12,354 notis saman telah dikeluarkan berkaitan kesalahan gagal patuhi lampu isyarat merah dan 129,781 berkaitan kesalahan memandu melebihi had laju yang ditetapkan. Manakala bagi pengguna yang dikenakan mata demerit adalah sebanyak 7,258 orang.